

Penjaja jagung bakar milik warga asing sekali lagi diserbu DBKL

Oleh **AZMI NORDIN**

KUALA LUMPUR – Tindakan penjaja warga asing menjual jagung bakar di tengah-tengah laluan pejalan kaki di ibu kota sekali lagi digempur penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

DBKL menerusi hantaran di Facebook memaklumkan, operasi itu dijalankan di sekitar kawasan Transit Aliran Ringan (LRT) Ampang dan Saloma

Bridge, Jalan Saloma di sini.

Katanya, Jabatan Penguatkuasaan sekali lagi mengambil tindakan penguatkuasaan selepas aktiviti terbabit dikesan kembali beroperasi.

"Melalui tindakan khas yang dijalankan, DBKL melaksanakan tindakan sitaan dan pindah barangan menerusi peruntukan di bawah UUK 3(1) Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016, menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen.

"Antara barangan disita adalah jagung, papan alas, dapur panggang, rak plastik dan lain-lain," katanya.

Menurut DBKL, peralatan disita akan dihantar ke Stor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk dokumentasi dan tindakan lanjut.

"Tindakan dan pemantauan berterusan akan dijalankan menerusi siri-siri tindakan khas di 11 parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," katanya.



ANGGOTA penguat kuasa DBKL melakukan sitaan barangan jualan jagung bakar di Jalan Saloma, Kuala Lumpur baru-baru ini.